

DAUN rerama.

UPM kaji kemungkinan daun rerama ubati kanser

UMUM mengetahui barah antara penyakit yang sukar diubati, dan untuk sekian lamanya pelbagai penyelidikan dilakukan banyak pihak untuk mencari dan menghasilkan ubat serta kaedah perubatan terhadap penyakit yang boleh membawa maut ini.

Usaha berterusan penyelidik mungkin akan dapat merintis jalan menemui ramuan atau ubat yang berkesan untuk menangani penyakit yang digeruni itu.

Kajian awal oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) terhadap tumbuhan yang dikenali sebagai 'daun rerama' atau *Red Butterfly Wing* atau nama saintifiknya *Christia vespertionis* ini, mendapati ia menunjukkan ciri-ciri anti barah dan anti keradangan.

Justeru, UPM akan menjalankan penyelidikan selanjutnya dengan menjalankan saringan dan ujian praklinikal peringkat kedua terhadap daun rerama.

Pensyarah dan penyelidik Jabatan Sains Bioperubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM, **Prof Madya Dr Latifah Saiful Yazan** berkata, kajian peringkat kedua ini akan dijalankan terhadap haiwan (*in vivo*).

"Dalam kajian itu nanti, sel barah payu dara akan di suntik ke dalam tikus, dan kemudian ia akan dirawat dengan ekstrak daun rerama," katanya dalam temu bual.

Tanaman daun rerama ini diusahakan Khamarul Rezan Lim Abdullah, 58. Ia dikatakan bukan sahaja berkesan merawat barah tetapi juga berupaya mengubati penyakit denggi, angin ahmar, darah tinggi, kencing manis, masalah usus (seperti gastrik, sembelit dan cirit birit), asma, migrain, resdung dan demam campak.

Dr. Latifah berkata, kajian peringkat kedua itu akan menggunakan sebahagian daripada *Enterprise*

Innovation Fund (EIF) sebanyak RM300,000 yang diperuntukkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Untuk kajian tersebut, Khamarul Rezan akan membekalkan daun rerama itu. Beliau sudah mula menanam semula pokok berkenaan, yang akan matang dalam tempoh tiga bulan sebelum daunnya boleh diambil untuk kajian.

Selain untuk penanaman semula pokok, dana tersebut juga digunakan untuk pembelian beberapa peralatan seperti mesin pengering, mesin penghancur dan mesin pembungkus, serta untuk penjenamaan produk.

Dr Latifah berkata, saringan pertama yang dilakukan pada 2103 secara *in vitro*, menggunakan ekstrak daun rerama terhadap enam jujukan sel barah yang sukar dirawat termasuk barah payu dara, peparu, usus besar, serviks dan ovari, mendapati sel

yang paling sensitif ialah sel kanser barah payu dara.

Katanya, saringan kedua ini juga akan meneliti profil kimia daun rerama.

Menurutnya, setakat ini sebagaimana yang dimaklumkan kepadanya oleh Khamarul Rezan, secara umumnya ekstrak daun rerama ini tidak mendatangkan kesan sampingan kepada penggunaannya.

Kaedah rawatan yang digunakan ialah meminum rebusan air daun rerama ini, sebagaimana konsep merendam dan meminum air teh.

Menurutnya, daun rerama ini terdapat dalam pelbagai warna tetapi yang digunakan untuk penyelidikan bagi tujuan perubatan ialah daun rerama yang berwarna hijau.

Pokok tersebut boleh mencapai ketinggian kira-kira dua meter, dan bagi mempercepatkan percambahan, pucuknya harus selalu digunting.



DR. LATIFAH SAIFUL YAZAN